

Rakyat mesti sokong usaha kerajaan
Utusan Online
30 Mei, 2012

KUALA LUMPUR 29 Mei - Usaha kerajaan memacu negara sehingga berjaya mencapai kemajuan seharusnya disokong rakyat kerana proses pembangunan sesebuah negara memerlukan masa panjang.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Hasan Malek berkata, sepanjang 55 tahun kemerdekaan Malaysia telah mencapai pelbagai kemajuan dan kemodenan dari pelbagai sudut termasuk pembangunan bandar dan luar bandar.

Menurutnya, pelbagai dasar telah diperkenalkan kerajaan bagi meningkatkan taraf hidup rakyat seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), pembukaan tanah rancangan dan penekanan dari aspek pendidikan.

"Rakyat harus sedar bahawa usaha ini bukan boleh dicapai dan dilaksanakan dalam tempoh masa yang singkat, sebaliknya perlu didasari dengan perancangan teliti.

"Bandingkanlah negara-negara di Afrika yang usia kemerdekaannya sebaya dengan negara kita, namun Malaysia hari ini jauh lebih maju dan berdaya saing berbanding negara tersebut," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis penutup Konvensyen Gerakan Daya Wawasan Kepada Penggerak Semenanjung Siri 3/2012 di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan bekas Naib Pengerusi DAP, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim yang mengingatkan rakyat negara ini tidak membuat eksperimen terhadap nasib dan masa depan negara pada pilihan raya akan datang.

Tambah Hasan, tempoh masa lima tahun adalah panjang dan teori untuk mencuba pemerintahan kerajaan baru bukanlah satu idea bijak.

"Apa yang pembangkang tahu adalah memberi janji yang tidak masuk akal tanpa memikirkan kesan buruk yang terpaksa ditanggung rakyat dalam tempoh jangka masa panjang," ujarinya.

Jelasnya, rakyat harus kekal menyokong kerajaan sedia ada supaya lebih banyak peluang dan manfaat dapat diwujudkan untuk membantu meningkatkan taraf hidup sekali gus mencapai matlamat menjadi negara maju.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0530&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_05.htm